

PENERAPAN PENILAIAN RISIKO BANJIR DALAM KAWALAN
PEMBANGUNAN UNTUK PEMBANGUNAN BARU :
SATU TINJAUAN PEMAHAMAN DAN KEPERLUAN DI DAERAH
JOHOR BAHRU

CHEW LEE TING

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2006

ABSTRACT

Despite of Flood Risk Assessment (FRA) has proved its efficiency in UK by allowing the planning authority to make an informed decision as to the acceptability of a proposed development in flood risk terms, its still relatively new to the physical planning in Malaysia. Therefore, this study examines the demand to incorporate FRA into the process of planning application for the new development among the professional who will have a role in the incorporation of FRA in the District of Johor Bahru (JB). Targeted respondents for this research consist from Town Planning Consultants, Engineering Consultants, Developers, and Technical Departments which are responsible to the flood risk control and also the Local Authorities in the District of JB. Analysis on 81 respondents show that majority of respondents agreed that the FRA is needed in order to accompany the planning application for new development. Test on independent among the variables also revealed that the demand of respondents in incorporating FRA into the planning application system was influenced by 3 factors; i) their perception on the development can lead to an increase in flood risk, ii) their perception on the suitability of current flood risk development control and iii) their perception on the efficiency of FRA in reducing flood risk. Nevertheless, the respondents also expressed a high demand and interest in knowing more about the FRA as well as to incorporate it into their work.

ABSTRAK

Walaupun Penilaian Risiko Banjir (PRB) telah membuktikan keberkesannya dalam membantu pihak berkuasa perancangan di United Kingdom (UK) dalam memutuskan kesesuaian sesuatu cadangan pembangunan dari segi risiko banjir yang akan dihadapi, tetapi bidang PRB masih merupakan suatu bidang baru dalam bidang perancangan fizikal di Malaysia. Maka, kajian ini telah menyemak ke atas keperluan untuk menerapkan PRB ke dalam proses permohonan KM untuk pembangunan baru bagi Daerah Johor Bahru (JB) menurut pandangan pihak profesion yang akan memainkan peranan selepas PRB berjaya diterapkan ke dalam proses permohonan KM. Responden sasaran dalam penyelidikan ini terdiri daripada Perunding Perancangan Bandar, Perunding Kejuruteraan, Pemaju, Jabatan Teknikal yang terlibat dalam pengawalan risiko banjir dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Daerah JB yang merupakan profesional yang akan terlibat dalam amalan penyediaan PRB dalam proses permohonan KM. Analisis ke atas 81 responden telah menunjuk majoriti responden berpendapat bahawa penyediaan PRB adalah diperlukan semasa mengemukakan permohonan KM untuk pembangunan baru. Analisis perkaitan juga menunjuk penerimaan responden dalam menerapkan PRB dalam proses permohonan KM adalah dipengaruhi oleh 3 faktor utama iaitu: i) pandangan responden terhadap aktiviti pembangunan akan meningkatkan risiko banjir, ii) pandangan responden terhadap kesesuaian kawalan pembangunan sedia ada dalam mengawal risiko banjir, dan iii) pandangan responden terhadap keberkesanan PRB dalam mengurangkan risiko banjir. Walau bagaimanapun, responden telah menunjukkan keperluan dan minat yang tinggi dalam menerapkan PRB ke dalam proses permohonan KM dan juga bidang tugas bagi profesion mereka.